

PROGRAM MEMFAIL BORANG NYATA (BN) 2025 DI PORTAL RASMI HASiL

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa Program Memfail Borang Nyata (BN) bagi Tahun 2025 telah dimuat naik di portal rasmi HASiL sebagai rujukan dan panduan kepada pembayar cukai untuk mengemukakan BN pada tahun 2025. Dokumen tersebut boleh diakses dan dimuat turun dengan mengikuti panduan mudah seperti yang berikut:

- i. Layari Portal Rasmi HASiL di www.hasil.gov.my
- ii. Klik menu **Borang > Program Memfail Borang Nyata > Program Memfail Borang Nyata (BN) Bagi Tahun 2025**; atau
- iii. Melalui capaian pantas di pautan berikut:

Versi Bahasa Malaysia:

<https://www.hasil.gov.my/media/agdmne4n/program-memfail-bn-bagi-tahun-2025.pdf>

Versi Bahasa Inggeris:

<https://www.hasil.gov.my/media/tvojk1ho/rf-filing-programme-for-2025.pdf>

Mulai Tahun Taksiran (TT) 2024, pembayar cukai kategori individu, perkongsian, keluarga sekutu hindu, pertubuhan dan harta pusaka adalah diwajibkan sepenuhnya untuk mengemukakan BN secara e-filing. Sehubungan itu, HASiL tidak lagi menerima pengemukakan BN secara manual/borang kertas sama ada di kaunter atau secara pos. Kegagalan dalam mengemukakan BN boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 112 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

Majikan adalah digalakkan untuk mengemukakan butiran saraan dan potongan pekerja melalui e-CP8D pada atau sebelum **25 Februari 2025**. Maklumat saraan pekerja yang diterima akan digunakan bagi tujuan praisi ke dalam e-Borang pekerja (e-BE / e-B / e-BT / e-M / e-MT Tahun Taksiran 2024). Ini bertujuan untuk memudahkan pekerja mengemukakan e-filing mulai 1 Mac 2025. Pekerja boleh menyemak dan meminda data praisi pada e-Borang mereka, sekiranya terdapat sebarang perubahan sebelum e-Borang ditandatangani dan dihantar.

Selain itu, mulai TT 2025 juga, pembayar cukai kategori Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) yang telah mengemukakan BN, diwajibkan untuk memberikan maklumat tambahan dan mengemukakan dokumen-dokumen yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) di bawah seksyen 82B ACP 1967 dalam tempoh 30 hari selepas tarikh akhir pengemukakan borang nyata seperti berikut:

- a. Penyata Kewangan Beraudit / Akaun Pengurusan;
- b. Pengiraan Cukai;
- c. Jadual lengkap Elaun Modal dan Kenaan Jadual 3 ACP 1967 yang dituntut; dan
- d. Pengiraan lengkap insentif yang dituntut (jika berkaitan)

Sebagai panduan dan rujukan kepada pembayar cukai berkenaan keperluan pengemukaan dokumen ditetapkan di bawah Seksyen 82B ini boleh diakses melalui portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my/> atau capaian pantas seperti berikut:

- <https://www.hasil.gov.my/borang/program-memfail-dokumen-yang-ditentukan-di-bawah-seksyen-82b-melalui-mitrs/>

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 1 Januari 2025



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia